

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa banyak pencerobohan oleh kapal asing ke perairan negara yang direkodkan bermula tahun 2019 hingga 2020 dan apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk meningkatkan keselamatan sempadan maritim negara kita.

JAWAPAN

Pada tahun 2019 dan 2020, sebanyak 714 pencerobohan kapal asing telah direkodkan di dalam perairan Laut China Selatan. Kebanyakan pencerobohan ini dilaksanakan oleh kapal penguatkuasaan asing iaitu *China Coast Guard* (CCG) sebanyak 691 pengesanan dan hanya 23 pengesanan melibatkan kapal perang asing.

Bagi meningkatkan keselamatan sempadan maritim negara, TLDM sedang melaksanakan 9 operasi bagi mengukuhkan kedaulatan perairan negara daripada sebarang pencerobohan daripada aset-aset asing. Operasi-operasi ini melibatkan kapal TLDM yang ditugaskan secara berterusan (24/7) dan turut dibantu oleh penugasan pesawat TUDM bagi rondaan maritim secara berkala.

Selain itu, TLDM juga telah menempatkan pegawai dan anggota secara berterusan di lima Stesen Luar Pantai iaitu di Stesen LIMA TLDM, Stesen MIKE TLDM, Stesen PAPA TLDM, Stesen SIERRA TLDM dan Stesen UNIFORM TLDM bagi mengukuhkan lagi tuntutan negara serta memantau perairan Malaysia daripada dicerobohi oleh aset negara asing.

Terima kasih.